

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendekatan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat terma dan syarat dalam Lembaran Pendekatan Produk ini yang tidak difahami oleh anda, dapatkan nasihat daripada pihak berkecuali dan/atau berbincang lebih lanjut dan dapatkan penjelasan lanjut daripada Bank.

VERSI BAHASA MALAYSIA

Bank : **Affin Bank Berhad**
 Skim : **Kemudahan Peralihan Karbon**
 Pembiayaan **Rendah**

Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan:

(hendaklah dilengkapkan semasa permohonan)

1. Apa yang ditawarkan oleh produk ini?

Kemudahan Peralihan Karbon Rendah ("Kemudahan") ialah kemudahan Pinjaman Berjangka yang ditawarkan oleh pihak Bank untuk menggalakkan dan menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam dalam menerapkan amalan kelestarian bagi meningkatkan daya tahan perniagaan. Amalan-amalan kelestarian adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada mendapatkan pensijilan kelestarian, meningkatkan penggunaan bahan diakui lestari dalam aktiviti pengeluaran, menambahbaik kecekapan tenaga bangunan dan peralatan dan memasang peralatan jana kuasa tenaga boleh baharu di premis.

- Tujuan pembiayaan adalah untuk Modal Kerja atau Perbelanjaan Modal (CAPEX);
- Pembiayaan maksimum sehingga RM 10juta bagi setiap PKS;
- Tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun (120 bulan);
- Kadar pembiayaan adalah sehingga 5.00% setahun termasuk yuran jaminan (jika ada); dan
- Sebahagian dari pembiayaan ini akan dijamin oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) atau Credit Guarantee Corporation (CGC), (jika ada).

2. Apa yang saya dapat dari produk ini?

Jumlah Pinjaman: RM300,000.00

Kadar Faedah: 5.00% setahun

Tempoh Pinjaman : 84 bulan

Nota:

- Pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan **ilustrasi** sahaja.
- Kadar Pinjam Asas (BLR) adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan BLR semasa adalah 6.56% setahun.
- Kadar faedah efektif adalah pada kadar BLR + 3.50% setahun sekiranya berlaku kegagalan pembayaran

3. Apakah kewajipan saya?

- Ansuran bulanan anda ialah **RM4,240.17**
- Jumlah keseluruhan pembayaran pada hujung tahun ke 7 adalah **RM356,174.51**

Penting:

Ansuran bulanan dan jumlah pembayaran anda akan berbeza jika Kadar Efektif (ER) berubah (sekiranya akaun anda diklasifikasikan sebagai terjejas, ER akan dipinda berdasarkan BLR akan terpakai)

Kadar	Faedah Efektif (ER = 5.00% setahun)	BLR + 3.50% (BLR = 6.56%)	BLR +3.50% (BLR = 7.56%)
Ansuran bulanan	RM4,240.17	RM4,989.66	RM5,146.20
Jumlah faedah pada hujung tahun ke 7	RM56,174.51	RM119,131.55	RM132,280.82
Jumlah pembayaran pada hujung tahun ke 7	RM356,174.51	RM419,131.55	RM432,280.82

- Semua di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Faedah dikira berdasarkan pada kiraan hujung bulan.
- Seperti terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis yuran/caj	Butiran yuran/caj
Duti Setem	Bayaran duti setem adalah mengikut Akta Setem 1949 (Semakan 1989) dan akan ditanggung oleh Pelanggan
Yuran Guaman berkaitan dan dokumentasi pembiayaan akan ditanggung oleh peminjam	Yuran Guaman terhadap peguamcara akan ditanggung oleh Pelanggan
Yuran pengeluaran / pembayaran proses	Tiada bayaran untuk pengeluaran / pemprosesan.

Nota:

- Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa pelaksanaan sebarang perubahan dalam yuran dan fi yang dikenakan kepada Kemudahan anda.
- Seperti terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.

5. Bagaimana bayaran akan dibuat?

- Kemudahan pinjaman tetap akan dimasukkan sekali gus ke akaun semasa pilihan Pelanggan.
- Sila pastikan akaun semasa mempunyai baki yang mencukupi pada hujung bulan untuk pembayaran balik Kemudahan. Semua dokumen yang berkaitan dengan pembukaan akaun akan di sediakan dan ditandatangani oleh peminjam termasuk (tetapi tidak terhad kepada perakuan Akta Pematuhan Cukai Akaun Luar Negeri (FATCA) / Standard Laporan Deklarasi (CRS).

6. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang diperuntukan?

Syarat	Keterangan
Bayaran Lewat	Sekiranya terdapat kelewatan pembayaran faedah atau ansuran, faedah pembayaran lewat sebanyak satu peratus (1.0%) setahun akan dikenakan ke atas faedah lewat dan/atau jumlah ansuran untuk tempoh tertunggak. Bank berhak mendebit akaun Pelanggan untuk pembayaran faedah pembayaran lewat.
Bayaran pentadbiran	Yuran pentadbiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan pada tarikh pembayaran yang dijadualkan sekiranya arahan pembayaran tetap tidak berjaya disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi dalam akaun Pelanggan.
Kadar Keingkar	Jika Pelanggan ingkar terhadap Kemudahan seperti yang dinyatakan dalam dokumen keselamatan / Perjanjian Kemudahan, Bank berhak untuk mengenakan kadar faedah pada BLR ditambah 3.5% setahun atau kadar lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa pada keseluruhan tunggakan Kemudahan tertakluk kepada notis bertulis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
Hak untuk memulakan pemulihan atau tindakan undang-undang	Tindakan undang-undang akan diambil ke atas anda dan penjamin, jika anda gagal memberi maklum balas kepada notis peringatan. Tindakan undang-undang yang diambil ke atas anda dan penjamin boleh mempengaruhi penarafan kredit dan membuatkan penarafan kredit anda lebih sukar dan mahal. Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk berurusan dengan agensi kutipan hutang) prosiding dan mufliis.

7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang

- Pelanggan dikehendaki memberi notis bertulis tiga (3) bulan kepada pihak Bank atau tempoh yang telah diluluskan oleh pihak Bank, dengan menyatakan jumlah yang perlu dibayar dan tarikh prabayaran tersebut, sekiranya gagal, faedah tiga (3) bulan akan dikenakan.

8. Adakah saya perlu melanggan perlindungan insurans?

- Anda digalakkan membeli insurans hayat untuk melindungi hayat pengarah atau pemilik atau penjamin atau pemegang saham dari panel insurans yang disyorkan oleh pihak Bank.
- Walau bagaimanapun, anda bebas untuk menggunakan perkhidmatan dari mana-mana pengendali Insurans pilihan anda yang menawarkan perlindungan yang memadai atas risiko-risiko yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pengurus Perhubungan di Pusat Perniagaan atau Saluran Langsung di mana pembiayaan kemudahan dipohon.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan ?

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda diminta mengisi borang "Borang Maklum Balas" yang boleh didapati di laman sesawang www.affinalways.com yang akan dihantar ke Pusat Kualiti dan Khidmat Pelanggan. Anda juga boleh menghubungi pihak Bank di:

Kualiti dan Khidmat Pelanggan

Tingkat 17, Menara Affin,
80, Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-88-3883
Faks : 03-2026 1104
E-mel : yourvoice@affinbank.com.my
Laman Web : www.affinalways.com

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 5 and 6,
Menara Bumiputra-Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-2616 7766
Faks : 03-2616 7601
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Waktu Urusan : 9:00 pagi – 5:00 petang
(Isnin – Jumaat)

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan Khidmat Nasihat Pembiayaan di Credit Guarantee Corporation Malaysia yang menyediakan khidmat nasihat kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang gagal memperoleh pembiayaan PKS daripada bank. Jika anda berminat untuk mendapatkan nasihat daripada Khidmat Nasihat Pembiayaan di CGC, anda boleh menghubungi

Telefon : 03-7880 0088
E-mel : myknp@cgc.com.my
Laman Web : www.myknp.com.my

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia Link atau Telelink di:

Blok D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-21741515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila hubungi cawangan AFFIN Bank berdekatan anda atau Pusat Perniagaan atau Saluran Langsung atau layari www.affinalways.com untuk maklumat lebih lanjut.

12. Pakej lain yang ditawarkan?

- Sila berhubung dengan Pengurus Perhubungan berkenaan atau sila lawati mana-mana cawangan Bank atau Pusat Perniagaan atau layari laman web kami di www.affinalways.com untuk maklumat lebih lanjut.

NOTA PENTING:

HARTA ANDA MUNGKIN AKAN DIRAMPAS SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK PEMBIAYAAN ANDA. TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN ATAS KEMUDAHAN MODAL KERJA ANDA

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari 07 November 2022

Saya / Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya / kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya / kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : _____
Nama : _____
No Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____